



أمانت قاهون بهارو

AMANAT

TAHUN BAHARU

2023



*Kelantan Maju  
Rakyat Sejahtera*

12 Jamadil Akhir 1444 / 05 Januari 2023

KEBERKATAN • KEMAKMURAN • KEBAJIKAN





**YAB DATO' BENTARA KANAN**  
**USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB**  
Menteri Besar Kelantan





# KANDUNGAN

Teks Ucapan  
Amanat Tahun Baharu 2023.....7-15

Infografik  
Amanat Tahun Baharu 2023.....16-39

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا فِي الْوِلَايَةِ بِالتَّمَكِينِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى الرَّسُولِ الْمُبْعُوثِ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّا مَكَّنَّا لَهُمْ فِي الْأَرْضِ وَعَاقَبْنَاهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ سَبَبًا

*Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadanya kekuasaan memerintah di bumi, dan Kami beri kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang dipelutkannya. (Al-Kahfi: 84)*

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini berada dalam Majlis Amanat Khas Tahun Baharu 2023 dan Perhimpunan Penjawat Awam Negeri Kelantan. Saya merakamkan penghargaan kepada seluruh penjawat awam Negeri Kelantan yang telah memberikan komitmen untuk menjayakan majlis yang sangat bermakna pada pagi ini.
2. Sepanjang tahun 2022, kita berjaya mengekalkan prestasi cemerlang pentadbiran negeri serta berjaya mengharungi pelbagai cabaran. Kerajaan Negeri berjaya mengekalkan prestasi cemerlang kewangan Kerajaan Negeri serta peningkatan prestasi kutipan hasil sehingga mencapai tahap 99.10 peratus peningkatan RM 209.22 juta kepada RM 983.42 juta.
3. Penghargaan khas saya juga kepada semua pihak khususnya kepada wakil rakyat, ketua-ketua jajahan, anggota pasukan keselamatan, jabatan dan agensi negeri dan persekutuan, jentera dun dan parlimen, NGO serta pasukan sukarelawan yang berjaya mengurus, menyantuni serta membantu rakyat dan negeri dalam keadaan banjir baru-baru ini. Tahnikah dan terima kasih saya ucapkan.

Para Hadirin Sekalian,

4. Tahun 2023 merupakan penggal terakhir bagi Dewan Undangan Negeri Ke-14 yang bakal menyaksikan cabaran-cabarannya yang tersendiri terutamanya dalam kelembapan sektor ekonomi. Namun, Kerajaan Negeri Kelantan kekal stabil dalam menguruskan negeri dan kebajikan rakyat. Ini adalah berkat keutuhan prinsip perjuangan Parti Islam Se-Malaysia dan sokongan rakyat yang terbentuk hasil pemahaman dan penghayatan terhadap prinsip perjuangan ini.
5. Pada penghujung penggal ini juga kita menyaksikan pencapaian manifesto PRU-14 berada pada tahap yang cemerlang iaitu pada tahap melebihi 90% merentasi kesemua 14 tawaran. Menerusi Dasar Membangun Bersama Islam dan pendekatan Masyarakat Membangun Bersama Islam, tawaran manifesto ini dilaksana melalui Halatuju Portfolio AMMK 2018-2023. Pencapaian-pencapaian ini sebahagian besarnya telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri di dalam ucapan sebentar tadi.
6. Bagi mendepani cabaran Tahun 2023, Kerajaan Negeri mengekalkan Tema **Kelantan Maju Rakyat Sejahtera** yang bakal ditunjangi menerusi 4 pendekatan berikut:-
  - Pertama** : Kepimpinan Rabbani (القيادة الربانية)
  - Kedua** : Kepimpinan Berintegriti (القيادة النزاهة)
  - Ketiga** : Kepimpinan Manusiawi (القيادة الإنسانية)
  - Keempat** : Kepimpinan Berprestasi (القيادة الأمانية)
7. Sebagaimana ayat yang dibacakan pada awal ucapan tadi, kekuasaan Raja Zulkarnain dalam pemerintahan adalah merangkumi timur dan barat. Baginda berjaya membangunkan rakyat untuk akur kepada titah perintah Allah dan mentadbir dengan penuh dedikasi serta berkebakikan. Kejayaan Raja Zulkarnain adalah menerusi pelaksanaan undang-undang yang adil, pendidikan yang berterusan kepada rakyat, sentiasa merealisasikan ubudiyah yang sempurna kepada Allah dan perhatian terhadap keilmuan dan penguasaan teknologi.



8. Dunia Islam berhadapan berbagai fasa turun naik sebagai sebuah kerajaan yang memimpin. Setelah jatuhnya Empayar Uthmaniyyah pada tahun 1924, dunia Islam berhadapan dengan pelbagai tekanan dan tiada lagi model kerajaan Islam. Kelantan sebuah Kerajaan Negeri berazam untuk terus menambah baik kearah pentadbiran Membangun Bersama Islam secara menyeluruh.
9. Kelantan memiliki nilai peradaban tersendiri dengan keunikan pembinaan tamadun yang dipasak kuat oleh falsafah Islam. Ia selari dengan sejarah Negeri Kelantan yang dibina kukuh di atas kekuatan Syariat Islam. Demikian pula, munculnya Kelantan sebagai negeri yang subur dengan sistem pendidikan Islam berasaskan pengajian turath yang telah dirintis oleh para alim ulamak dari dahulu sehingga sekarang.
10. Mengukuhkan lagi penerusan pembinaan tamadun keislaman, Parti Islam SeMalaysia telah meletakkan aqidah sebagai tunjang kepada pentadbiran Kerajaan Negeri dengan Dasar Membangun Bersama Islam di mana usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan Islam dalam pentadbiran terus mendapat dokongan dari rakyat.

Para Hadirin Sekalian,

11. Kepimpinan Rabbani melahirkan prinsip-prinsip dalam pengurusan organisasi yang meliputi:-
  - Pertama:** Konsep Tauhidiah iaitu meletakkan ketaatan hanya kepada Allah SWT.
  - Kedua:** Konsep Musyawarah iaitu meletakkan kemuafakatan sebagai prinsip.
  - Ketiga:** Konsep Musawah iaitu kesamaan hak dan tanggungjawab di sisi Allah SWT.
  - Keempat:** Konsep 'Adalah yang merujuk kepada kebebasan dalam berbagai perkara dengan batasan-batasan hak Allah SWT.

12. Pendekatan Rabbani ini telah diperkemas lagi melalui Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan yang dilancarkan pada tahun 2018 dan dikembangkan pada tahun 2022 ke peringkat komuniti melalui Program Komuniti Rabbani. Masyarakat yang baik akan menjelmakan kepimpinan yang baik.

13. Adapun kepimpinan yang bijaksana dalam mengurus tadbir adalah *qudwah (role model)* kepada perkhidmatan awam. Ini membuktikan Kerajaan Negeri mempunyai wawasan yang kukuh terhadap pembangunan modal insan negeri demi menjaga keutuhan generasi dan kestabilan negeri sebagaimana firman Allah SWT:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Allah memberikan Hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakinya (menurut aturan yang ditentukannya). Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya. (Surat Al-Baqarah Ayat 269)

14. Kedua, Kepimpinan Berintegriti adalah terbina di atas prinsip ihsan iaitu melaksanakan suatu tugas secara bertanggungjawab walaupun tidak disaksikan oleh orang lain sepertimana tercatat di dalam hadis Nabi SAW:-

فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ. قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا أَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَابْتِئَانًا بِرَأْسِكَ

Maksudnya: Berkata (Jibril): Khabarkanlah kepadaku tentang ihsan? Rasulullah Sallallahu'alaihiwasallam bersabda: Hendaklah kamu beribadah kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya. Sekiranya kamu tidak dapat melihat-Nya sesungguhnya Allah sentiasa melihat kamu. (Riwayat Muslim)

Hadis ini menceritakan prinsip ihsan yang meliputi:-

**Pertama:** Tahap integriti yang tinggi yang perlu ada pada setiap anggota pentadbiran awam yang terdiri daripada integriti dalam pentadbiran, sosial, ekonomi dan pembangunan.

**Kedua:** Tahap kecekapan dan kesempumaan dalam melaksanakan arahan dan kerja.

**Ketiga:** Tahap pengurusan kewangan yang terbaik.

**Keempat:** Tahap penguasaan sistem dan mekanisma yang menepati kehendak rakyat dan pemegang taruh (Stakeholders).

15. Professor Dr. Al-Qardhawi dalam karyanya *Min Fiqh Addaulah Fi Al-Islam* menegaskan bahawa sesebuah pentadbiran dan kepimpinan yang berjaya dan diberkati ialah yang sentiasa melaksanakan keadilan di semua peringkat. Oleh yang demikian, pemimpin yang berintegriti mampu meningkatkan keyakinan rakyat kepada sebuah pentadbiran yang bersih sebagai ukuran tahap kewibawaan sesebuah kerajaan.
16. Ketiga, Kepimpinan Manusiawi ialah kepimpinan yang berorientasikan rakyat, sebagaimana termaktub di dalam doa Rasulullah SAW:-

اللَّهُمَّ مِنْ وَّلِيٍّ مِنْ أَمْرِ أُمَّتِي شَيْئًا فَسَقِّ عَلَيْهِمْ، فَاشْفُقْ عَلَيْهِ،  
وَمِنْ وَّلِيٍّ مِنْ أَمْرِ أُمَّتِي شَيْئًا فَارْفُقْ بِهِمْ، فَارْفُقْ بِهِ

Maksud: "Ya Allah, sesiapa yang menguruskan suatu perkara untuk umatku lalu dia menyusahkan urusan umatku, maka Engkau persulitkanlah urusannya. Dan sesiapa yang menguruskan perkara umatku, lalu dia mempermudahkannya, maka Engkau permudahkanlah urusannya." (Riwayat Muslim)

17. Konsep ini telah mewujudkan suasana taawun di kalangan pemimpin dengan rakyat melalui institusi penghulu, imam, halaqat serta NGO-NGO yang berkaitan. Urusefia-urusetia Kerajaan Negeri telah memainkan peranan yang

besar di dalam menggerakkan agenda kerajaan dalam pembangunan manusiawi.

18. Begitu juga dalam memastikan setiap rakyat dapat menikmati keselesaan dan kemakmuran hidup, Kerajaan Negeri akan terus memberi penekanan terhadap pembangunan infrastruktur dan utiliti yang menjadi pemangkin bagi peningkatan taraf sosio-ekonomi rakyat.

Para Hadirin Sekalian

19. Keempat, Kepimpinan Berprestasi yang merupakan antara faktor kejayaan sesebuah kerajaan yang meliputi kecekapan tadbir urus yang berjaya sebagaimana dinyatakan dalam Mukadimah Ibnu Khaldun "iaitu suatu pentadbiran yang berkonsepkan *inhibit* dan *tadhamun* iaitu teliti dan berdisiplin serta bersatu tenaga yang mengenyepikan pentadbiran yang tidak mesra rakyat serta menyusahkan rakyat dan suka menggunakan idea sendiri dan bukan ketetapan yang diputuskan oleh Ketua Kerajaan".

20. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada Kerajaan Negeri adalah menyelesaikan permohonan dan memberi perkhidmatan kepada rakyat. Jauhilah diri kita daripada menjadi sebahagian daripada golongan yang difirmankan oleh Allah SWT:-

الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا

Maksudnya: (iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amai usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan" (Surah Al-Kahfi 104).

Para Hadirin Sekalian,

21. Memasuki tahun 2023, suka saya menekankan 8 arahan kerja berikut:-

**Pertama:** Hendaklah memasukkan 3 teras Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) dalam setiap perancangan, program dan aktiviti sama ada program keagamaan atau projek pembangunan sebagai satu senarai semak yang mesti diambil kira sebelum kelulusan dan persetujuan diputuskan.

**Kedua:** Program pengukuhan Merakyat Membangun Bersama Islam secara dalaman dan luaran hendaklah diperkasa bukan sahaja kepada penjawat awam tetapi meliputi seluruh komuniti masyarakat sama ada berbentuk seminar, bengkel atau latihan. Ini perlu ditekankan secara bersepadu kepada jabatan dan agensi berkaitan seperti JAHEAIK, BPSM, ILKAN, YTK, IPTG dan lain-lain.

**Ketiga:** Projek-Projek yang diluluskan di bawah RMK-12 perlu diberi perhatian yang serius supaya projek itu dapat berjalan sebagaimana yang dijadualkan. Projek-projek keutamaan yang tergendala dan yang berstatus sakit memerlukan pendekatan yang agresif daripada UPEN, JKR JPS, PBT dan lain-lain jabatan dan agensi agar dapat kembali mengikut landasan asalnya.

**Keempat:** Kelantan berpotensi menjadi hub-pelaburan, Kelantan mesti menjadi pilihan pelabur, suasana kondusif untuk pelaburan sama ada dalam negeri atau luar negeri mestilah diwujudkan supaya lebih peluang pekerjaan dapat ditawarkan kepada rakyat. Birokrasi yang menyusahkan dan membebankan pelabur dan pemaju projek mestilah dielakkan. Pihak yang berkaitan khususnya PTG, Bahagian Pelaburan Negeri, PMBK, PKINK, PBT dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan hendaklah bekerjasama erat dengan agensi persekutuan.

**Kelima:** Pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif mesti dilaksanakan dalam pembelajaran subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) supaya modal insan yang dilahirkan lebih berdaya saing dan memiliki aspek

pengetahuan, teknologi seperti internet kebendaan (IOT), kecerdasan buatan (AI), data raya, realiti maya, dan realiti terimbuah selari dengan ledakan dengan Revolusi Industri 4.0. Adalah penting untuk Yayasan Islam Kelantan (YIK) untuk memupuk jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi merangkumkan STEM dalam kurikulum pendidikan YIK.

**Keenam:** Anak muda sebagai generasi masa hadapan negeri hendaklah disantuni dengan jayanya. Segala tawaran yang bermanfaat untuk pembangunan jatidiri, pendidikan dan ekonomi mereka perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. MSN, UBES dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri hendaklah mengambil tanggungjawab ini.

**Ketujuh:** Kemudahan jalur lebar merupakan keperluan mendesak rakyat, agensi kerajaan dan penyedia perkhidmatan atas talian. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat terhadap usaha melaksanakan Projek Jalinan Digital Negara (Jendela) bagi meningkatkan akses digital rakyat. Pihak yang terlibat dalam memberi kelulusan dan pelaksana hendaklah peka terhadap kesegeraan bagi memenuhi tempoh masa yang ditetapkan. Sebarang kelewatan akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi negeri dan rakyat akan terjejas.

**Kelapan:** Perkukuh penyampaian maklumat kepada rakyat, banyak isu yang tular disebabkan rakyat tidak mendapat maklumat yang tepat dan ini membawa kepada persepsi yang tidak baik terhadap Kerajaan Negeri. Kaedah penyampaian maklumat perlu diperkasa menerusi kaedah lebih efektif dan sampai kepada rakyat. Dalam masa yang sama, setiap jabatan dan agensi hendaklah mengambil berat kepentingan komunikasi korporat di jabatan masing-masing.

Para Hadirin Sekalian

22. Saya yakin rakyat akan terus memberi kepercayaan kepada penerusan Dasar Membangun Bersama Islam. Maka adalah menjadi kewajipan semua untuk mempertahankan kerajaan sedia ada demi kelangsungan dasar ini. Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan Budaya Politik Matang dan Sejahtera dalam urusan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan selaras dengan konsep federalisma. Saya berharap Kerajaan Campuran pada hari ini akan mengekalkan hubungan ini demi kepentingan rakyat.

23. Tahniah saya ucapkan kepada semua penjawat awam yang telah melaksanakan dasar kerajaan dengan jayanya sepanjang tahun 2022. Semoga tahun 2023 ini melakar lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan. Terima kasih kepada rakyat Kelantan yang sentiasa bersama Kerajaan Negeri tidak kira dalam apa jua keadaan. Sekian dahulu ucapan amanat saya bagi tahun 2023, semoga Allah SWT menganugerahkan keberkatan dan kemakmuran kepada negeri Kelantan Darul Naim.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي، وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

# INFO GRAFIK



قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

“

إِنَّا مَكَّنَّا لَهُ فِي الْأَرْضِ وَءَاتَيْنَاهُ مِنْ  
كُلِّ شَيْءٍ سَبِيًّا

”

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadanya kekuasaan memerintah di bumi, dan Kami beri kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya.  
(Al-Kahfi: 84)

## Kerajaan Negeri Kelantan kekal stabil mengurus negeri dan kebajikan rakyat

berkat keutuhan prinsip perjuangan Parti Islam Se-Malaysia dan sokongan rakyat yang terbentuk hasil pemahaman dan penghayatan terhadap prinsip perjuangan ini.



**Pencapaian Manifesto PRU14 tahap  
cemerlang melebihi** **90%**



**merentasi kesemua 14 tawaran**

---



Menerusi Dasar Membangun Bersama Islam dan pendekatan Merakyat Membangun Bersama Islam, tawaran manifesto ini dilaksana melalui

**Halatuju Portfolio AMMK 2018-2023**

# Prestasi Pentadbiran





Penghargaan khas kepada semua pihak khususnya wakil rakyat, Ketua-ketua Jajahan, anggota pasukan keselamatan, jabatan dan agensi kerajaan, jentera DUN dan parlimen, NGO serta pasukan sukarelawan yang berjaya mengurus, menyantuni serta membantu rakyat dan negeri dalam keadaan banjir baru-baru ini.

# *Tema*

## Kelantan Maju Rakyat Sejahtera

Ditunjangi 4 pendekatan :

**01**

**Kepimpinan Rabbani**

(القيادة الربانية)

**02**

**Kepimpinan Berintegriti**

(القيادة النزاهة)

**03**

**Kepimpinan Manusiawi**

(القيادة الإنسانية)

**04**

**Kepimpinan Berprestasi**

(القيادة الأدائية)



## **Akur kepada titah perintah Allah dan mentadbir dengan penuh dedikasi serta berkebakikan demi kesejahteraan rakyat.**

Kejayaan Raja Zulkarnain adalah menerusi pelaksanaan undang-undang yang adil, Pendidikan yang berterusan kepada rakyat, sentiasa merealisasikan ubudiyah yang sempurna kepada Allah dan perhatian terhadap keilmuan dan penguasaan teknologi.





**la selari dengan sejarah Negeri Kelantan  
yang dibina kukuh di atas kekuatan Syari'at Islam**

sistem pendidikan Islam berasaskan pengajian turath  
yang telah dirintis oleh para alim ulamak



**Aqidah sebagai tunjang kepada pentadbiran Kerajaan Negeri dengan Dasar Membangun Bersama Islam di mana usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan Islam dalam pentadbiran terus mendapat dokongan dari rakyat.**

## Kepimpinan Rabbani

---


**1** Konsep Tauhidiah iaitu meletakkan ketaatan hanya kepada Allah SWT.

**2** Konsep Musyawarah iaitu meletakkan kemufakatan sebagai prinsip.


**3** Konsep Musawah iaitu kesamaan hak dan tanggungjawab di sisi Allah SWT

**4** Konsep 'Adalah yang merujuk kepada kebebasan dalam berbagai perkara dengan batasan-batasan hak Allah SWT

**Dasar Pendidikan Rabbani  
Kelantan dilancarkan  
pada tahun 2018**



**Tahun 2022  
Program Komuniti  
Rabbani. Masyarakat  
yang baik akan menjelmakan  
kepemimpinan yang baik.**



Allah memberikan hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.

(Al-Baqarah : 269)


## Kepimpinan Berintegriti

فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ. قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Maksudnya: Berkata (Jibril): Khabarkanlah kepadaku tentang Ihsan?  
Rasulullah Sallallahu'alaihiwasallam bersabda: Hendaklah kamu beribadah kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya. Sekiranya kamu tidak dapat melihat-Nya sesungguhnya Allah sentiasa melihat kamu.  
(Riwayat Muslim)

Hadis ini menceritakan prinsip Ihsan yang meliputi:-

Tahap kecekapan dan kesempurnaan dalam melaksanakan arahan dan kerja.



Tahap pengurusan kewangan yang terbaik.

Tahap integriti yang tinggi yang perlu ada pada setiap anggota pentadbiran awam yang terdiri daripada integriti dalam pentadbiran, sosial, ekonomi dan pembangunan.

Tahap penguasaan sistem dan mekanisma yang menepati kehendak rakyat dan pemegang taruh (Stakeholders).

Pemimpin yang berintegriti mampu meningkatkan keyakinan rakyat kepada sebuah pentadbiran yang bersih sebagai ukuran tahap kewibawaan sesebuah kerajaan

## Kepimpinan Manusiawi

“


اللَّهُمَّ مَنْ وَلِيَ أَمْرَ أُمَّتِي شَيْئًا فَشَقَّ عَلَيْهِمْ فَاشُقِّ عَلَيْهِ، وَمَنْ وَلِيَ مِنْ أَمْرِ أُمَّتِي شَيْئًا فَرَفَقَ بِهِمْ فَارْفُقْ بِهِ

”

Maksud: Ya Allah, sesiapa yang mengurus suatu perkara untuk umatku lalu dia menyusahkan urusan umatku, maka Engkau persulitkanlah ia. Dan sesiapa yang mengurus perkara umatku, lalu ia mempermudahkannya, maka Engkau permudahkanlah ia.

(Hadis Riwayat Muslim, no. 1828)





Suasana taawun di kalangan pemimpin dengan rakyat melalui institusi penghulu, imam, halaqat serta NGO-NGO yang berkaitan. Urusetia-Urusetia Kerajaan Negeri telah memainkan peranan yang besar di dalam menggerakkan agenda kerajaan dalam pembangunan manusiawi.

Kerajaan Negeri akan terus memberi penekanan terhadap pembangunan infrastruktur dan utiliti yang menjadi pemangkin bagi peningkatan taraf sosio-ekonomi rakyat.







## Kepimpinan Berprestasi

### kecekapan tadbir urus pentadbiran

“ iaitu suatu pentadbiran yang berkonsepkan indhibit dan tadhamun iaitu teliti dan berdisiplin serta bersatu tenaga yang mengenegipkan pentadbiran yang tidak mesra rakyat serta menyusahkan rakyat dan suka menggunakan idea sendiri dan bukan ketetapan yang diputuskan oleh Ketua Kerajaan.”

Ibnu Khaldun, Al-Mukadimah

# 8 ARAHAN KERJA



## PERTAMA

### 3 teras Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan (UMI)

- satu senarai semak yang mesti diambil kira sebelum kelulusan dan persetujuan diputuskan



## KEDUA

### Program pengukuhan Merakyat Membangun Bersama Islam

Ini perlu ditekankan secara bersepadu kepada jabatan dan agensi berkaitan seperti JAHEAIK, BPSM, ILDAN, YTK, IPTG dan lain-lain

## KETIGA

### Projek-Projek yang diluluskan di bawah RMK-12

-Projek-projek keutamaan yang tergendala dan yang berstatus sakit memerlukan pendekatan yang agresif daripada UPEN, JKR JPS, PBT dan lain-lain jabatan dan agensi agar dapat kembali mengikut landasan asalnya



## KEEMPAT

### Kelantan berpotensi menjadi hub-pelaburan, Kelantan mesti menjadi pilihan pelabur

-Pihak yang berkaitan khususnya PTG, Bahagian Pelaburan Negeri, PMBK, PKINK, PBT dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan hendaklah bekerjasama erat dengan agensi persekutuan.



# 8 ARAHAN KERJA



## KELIMA

Pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif mesti dilaksanakan dalam pembelajaran subjek Sains, Teknologi, Kejuteraan dan Matematik (STEM) supaya modal insan yang dilahirkan lebih berdaya saing dan memiliki aspek pengetahuan, teknologi seperti internet kebendaan (IoT), data raya, realiti maya, dan realiti terimbuah selari dengan ledakan dengan Revolusi Industri 4.0. Adalah penting untuk Yayasan Islam Kelantan (YIK) untuk memupuk jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi merangkumkan STEM dalam kurikulum pendidikan YIK.



## KEENAM

### Anak muda sebagai generasi masa hadapan

tawaran yang bermanfaat untuk pembangunan jatidiri, pendidikan dan ekonomi mereka perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. MSN, UBES dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri

## KETUJUH

### Kemudahan jalur lebar

-Projek Jalinan Digital Negara (Jendela) bagi meningkatkan akses digital rakyat



## KELAPAN

### Perkukuh penyampaian maklumat kepada rakyat

-Kaedah penyampaian maklumat perlu diperkasa menerusi kaedah lebih efektif dan sampai kepada rakyat



rakyat akan terus memberi kepercayaan kepada penerusan Dasar Membangun Bersama Islam. Maka adalah menjadi kewajipan semua untuk mempertahankan kerajaan sedia ada ini demi kelangsungan dasar ini.

## **Budaya Politik Matang dan Sejahtera** dalam urusan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan selaras dengan konsep federalisma.





Tahniah kepada semua penjawat awam yang telah melaksanakan dasar kerajaan sepanjang tahun 2022 yang lalu. Semoga tahun 2023 ini melakar lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan.

**Terima kasih kepada rakyat Kelantan yang sentiasa bersama Kerajaan Negeri tidak kira dalam apa jua keadaan.**